

**TAWARAN TENDER MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN PERUBATAN CRYOTHERAPY (CRYOABLATION) UNTUK PROSEDUR
INTERVENSIONAL DI JABATAN PENGIMEJAN DIAGNOSTIK
INSTITUT KANSER NEGARA**

RUMUSAN HARGA TAWARAN

KOD PETENDER

KOSONGKAN

NO. TENDER : IKN/T3/2014

Peringatan:

Borang ini hendaklah diisi dalam 5 salinan untuk setiap tender

Bil.	Keterangan Tawaran (Harga alatan / ubatan termasuk harga kerja tapak jika berkaitan)	Kuantiti	Harga Tawaran (Termasuk Fi Perkhidmatan secara Elektronik - 0.8%)	
			Per Unit / Sistem	Jumlah
HARGA TAWARAN KESELURUHAN				
HARGA TAWARAN KESELURUHAN TERMASUK FI PERKHIDMATAN 0.8%				

Tandatangan :
Nama : ()
Cop Syarikat :

PERINGATAN:

1. *Harga Tawaran Keseluruhan dalam Dokumen/Borang ini mestilah sama dengan Harga Tawaran Keseluruhan yang dinyatakan di dalam **Dokumen G atau H***
2. *Jika terdapat percanggahan dengan Harga Tawaran Keseluruhan yang dinyatakan di dalam Dokumen G atau H, maka Harga Tawaran Keseluruhan yang dinyatakan di dalam Dokumen/ borang ini adalah dikira sebagai betul.*
3. *Harga Tawaran Keseluruhan dalam Dokumen/ borang ini adalah disifatkan sebagai harga MUKTAMAD yang akan digunakan dalam pertimbangan tawaran tender kelak.*
4. *Harga Tawaran keseluruhan termasuk Fi Perkhidmatan 0.8% adalah selaras dengan SPP 2/2013*



**INSTITUT KANSER NEGARA
PUTRAJAYA**

DOKUMEN TENDER

TAJUK : **TAWARAN TENDER MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG,
MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN PERUBATAN
CRYOTHERAPY (CRYOABLATION)
UNTUK PROSEDUR
INTERVENSIONAL DI JABATAN
PENGIMEJAN DIAGNOSTIK
INSTITUT KANSER NEGARA**

NO. TENDER : **IKN/T3/2014**

TARIKH IKLAN : **26 MEI 2014 (ISNIN)**

**TARIKH / MASA
DITUTUP** : **17 JUN 2014 (SELASA)
JAM 12.00 TENGAHARI**

KOD BIDANG : **050101 atau;
050102**

**TAWARAN TENDER MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN
MENTAULIAH PERALATAN PERUBATAN *CRYOTHERAPY (CRYOABLATION)*
UNTUK PROSEDUR *INTERVENSIONAL*
DI JABATAN PENGIMEJAN DIAGNOSTIK
INSTITUT KANSER NEGARA
NO. TENDER : IKN/T3/2014**

**ARAHAN KEPADA PETENDER
SYARAT-SYARAT DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**BAHAGIAN I
PERKARA AM**

1. ARAHAN AM

- 1.1 Semua petender (syarikat) yang hendak menyertai tender ini hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang-bidang yang berkaitan, di Bahagian Perolehan Kerajaan, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62593 Putrajaya dan *eP-enabled*. Semua petender mestilah tidak digantung atau ditahan daripada memasuki tawaran Kerajaan. Salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor hendaklah dimuat naik bersama-sama dengan tawaran.
- 1.2 Petender (syarikat) yang ingin memasuki tawaran perlu mendapatkan nombor rujukan daripada Pusat Perhubungan (*Telecenter*) tender ini serta mengemukakan No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau salinan Sijil Pendaftaran ketika mendapatkan nombor rujukan tersebut. Status pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan akan disemak melalui sistem e-perolehan oleh urusetia dan semakan ini adalah muktamad.

Pusat Perhubungan (*Telecenter*)

Bahagian Perolehan Dan Pembangunan
Jabatan Pengurusan,
Institut Kanser Negara,
Aras 6,
No. 4, Jalan P7, Presint 7,
62250 PUTRAJAYA.

NO. TELEFON : 03-8892 5555

- 1.3 Bagi tender yang dibuat melalui sistem ePerolehan, dokumen tender tidak perlu dibeli dan hanya dimuat turun daripada sistem setelah mendapat ID Pengguna di *telecenter* Bahagian Perolehan dan Pembangunan, Institut Kanser Negara.
- 1.4 Petender yang telah dilantik sebagai agen atau pengedar bagi sesuatu barangan adalah diminta mengemukakan bersama-sama dokumen tender satu **surat kebenaran** yang membenarkan atau melantik pihaknya secara rasmi sebagai agen atau pengedar untuk membekal barang-barang yang ditender.
- 1.5 **Sekalipun syarikat telah mengemukakan tawaran melalui atas talian, syarikat masih lagi perlu memuat turun tawaran tersebut dan dihantar ke Pusat Perhubungan (Telecenter) sebelum tarikh tutup iklan. Walaupun tawaran sudah di kemukakan secara manual, syarikat masih boleh mengemaskini tawaran atas talian sehingga waktu dan tarikh tutup iklan yang mana tawaran atas talian yang terkini akan diguna pakai sebagai tawaran terakhir daripada syarikat.**
- 1.6 Pengisian borang-borang tender mestilah dijarakkan di antara satu butiran dengan satu butiran lain yang berikutnya dengan jarak yang sesuai, supaya senang dibaca.
- 1.7 Sebarang pindaan ke atas mana-mana maklumat mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas beserta tarikh. Penggunaan apa-apa pemadam adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 1.8 Selaras dengan **SPP Bil. 6 Tahun 2008** – Tawaran yang dihantar secara manual hanya boleh diguna pakai apabila gangguan kepada sistem eP (aplikasi, pangkalan data dan infrastruktur di *Data Centre eP*) yang diperakukan oleh Unit eP berlaku pada hari tender ditutup dan Pengerusi Lembaga Perolehan yang berkaitan tidak memberi pelanjutan waktu dan tarikh tutup. Proses selanjutnya hendaklah dibuat secara manual sehingga selesai proses pengeluaran surat setuju terima. Proses di dalam sistem akan dihentikan setakat waktu dan tarikh tutup tawaran tender. Sehubungan itu, tawaran secara atas talian yang dihantar tidak akan diguna pakai di dalam proses penilaian dan pemilihan.

2. DOKUMEN TENDER

- 2.1 Petender hendaklah meneliti dokumen tender semasa pembelian atau di atas talian bagi memastikan ianya cukup dengan dokumen-dokumen seperti dibawah dan dengan helaian muka surat yang lengkap:

Bahagian I	DOKUMEN AM UNTUK SIMPANAN PETENDER
Dokumen A	Arahan Kepada Petender, Syarat-Syarat & Penjelasan Berhubung Tender
Dokumen B	Contoh Dokumen Perjanjian Kontrak
Dokumen C	Contoh Format Bon Pelaksanaan
Bahagian II	DOKUMEN UNTUK CADANGAN TEKNIKAL
Dokumen D	Borang/Jadual Pematuhan Spesifikasi
Dokumen E	Borang Penyerahan Contoh & Katalog
Dokumen F	Butir-Butir Petender – Bagi Urusan Teknikal
Dokumen N	Borang Servis Penyelenggaraan
Dokumen O	Senarai Kakitangan Teknikal
Bahagian III	DOKUMEN UNTUK CADANGAN KEWANGAN
Dokumen G	Borang Harga Tawaran - Tempatan
Dokumen H	Borang Harga Tawaran - Import
Dokumen I	Borang Rumusan Harga Tawaran
Bahagian IV	DOKUMEN UNTUK KEGUNAAN URUSETIA
Dokumen D	Borang/Jadual Pematuhan Spesifikasi
Dokumen E	Borang Penyerahan Contoh & Katalog
Dokumen F	Butir-Butir Petender – Bagi Urusan Teknikal
Dokumen N	Borang Servis Penyelenggaraan
Dokumen O	Senarai Kakitangan Teknikal
Dokumen G	Borang Harga Tawaran - Tempatan
Dokumen H	Borang Harga Tawaran - Import
Dokumen I	Borang Rumusan Harga Tawaran
Dokumen J	Maklumat Berhubung Barangan Import
Dokumen K	Maklumat Petender – Profail Petender
Dokumen L	Surat Akuan Pembida dan Surat Perwakilan Kuasa
Dokumen M	Senarai Semakan (<i>Checklist</i>)

Bahagian V DOKUMEN UNTUK KEGUNAAN KEMENTERIAN KESIAHATAN MALAYSIA

Dokumen D	Borang/Jadual Pematuhan Spesifikasi
Dokumen E	Borang Penyerahan Contoh & Katalog
Dokumen F	Butir-Butir Petender – Bagi Urusan Teknikal
Dokumen N	Borang Servis Penyelenggaraan
Dokumen O	Senarai Kakitangan Teknikal
Dokumen G	Borang Harga Tawaran - Tempatan
Dokumen H	Borang Harga Tawaran - Import
Dokumen I	Borang Rumusan Harga Tawaran
Dokumen J	Maklumat Berhubung Barangan Import
Dokumen K	Maklumat Petender – Profail Petender
Dokumen L	Surat Akuan Pembida dan Surat Perwakilan Kuasa
Dokumen M	Senarai Semakan (<i>Checklist</i>)

2.2 Hanya Dokumen D hingga Dokumen M sahaja setelah dilengkapkan hendaklah dikembalikan semasa mengemukakan tawaran.

2.3 Katalog/Risalah/Jadual Data Teknikal/Sampel barangan juga hendaklah dikemukakan secara berasingan apabila diminta atau dinyatakan dalam spesifikasi tender atau syarat tender.

2.4 Petender juga diingatkan supaya tidak menulis/cop apa-apa nama/tanda/identiti syarikat di atas Dokumen (Borang) D hingga Dokumen (Borang) F, Dokumen (Borang) N hingga Dokumen (Borang) O.

2.5 **Dokumen Untuk Cadangan Teknikal** adalah Dokumen (Borang) D hingga Dokumen (Borang) F, Dokumen (Borang) N hingga Dokumen (Borang) O dan **Dokumen Untuk Cadangan Kewangan** adalah Dokumen (Borang) G hingga Dokumen (Borang) I.

2.6 **Kedua-dua dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam dua sampul surat yang berasingan dan dilakri.**

2.7 **Setelah itu kedua-dua sampul surat tersebut juga hendaklah dimasukkan dalam satu sampul surat yang lebih besar bersama-sama dokumen-dokumen lain (Dokumen Untuk Kegunaan Urusetia dan Kementerian Kesihatan Malaysia) untuk diserahkan sebelum tarikh dan masa yang telah ditetapkan dan ditempat yang dinyatakan.**

- 2.8 **Petender juga hendaklah menyerahkan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan secara atas talian ke dalam Sistem ePerolehan sebelum waktu dan tarikh tutup tender yang ditetapkan.**

BAHAGIAN II **PERKARA AM**

3. SPESIFIKASI

- 3.1 Spesifikasi Tender adalah seperti yang dimuatnaik di dalam Sistem ePerolehan. Petender adalah diwajibkan memenuhi semua deskripsi/kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan. Bagi kriteria/syarat yang ditandakan sebagai Syarat Wajib (Mandatori) kegagalan petender dalam memenuhi kriteria/syarat tersebut akan menyebabkan tawaran tender ditolak.
- 3.2 Borang/Jadual Pematuhan bagi Spesifikasi Tender ini adalah seperti di Dokumen D. Petender diwajibkan mengisi semua ruangan/maklumat di dalam borang/dokumen tersebut dan diserahkan.

4. BARANG-BARANG KELUARAN TEMPATAN

- 4.1 Barang-barang keluaran tempatan mestilah diperoleh daripada pengilang-pengilang yang berlesen atau yang dikecualikan dari mendapatkan lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975. Sesalinan Sijil Kilang atau surat pengecualian hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen tender.
- 4.2 Petender-petender yang menawarkan barangan keluaran tempatan hendaklah menyatakan sama ada keluaran-keluaran yang telah ditawarkan di kilang dengan sepenuhnya di Malaysia (iaitu dari bahan-bahan permulaan/mentah) atau di kilang di Malaysia dari keluaran perantaraan (*intermediate product*) ataupun ia adalah keluaran-keluaran yang diimport siap dan hanya dibungkus semula atau dilabel di Malaysia. Petender hendaklah menyatakan nama pembuat dan negara asalnya bagi keluaran yang diimport siap dan dibungkus semula.
- 4.3 Pembungkusan semula (*repacking*) tidak termasuk dalam takrif “aktiviti pengilangan” seperti yang tersebut di dalam Akta Penyelarasan Perusahaan 1975 dan adalah dianggap sebagai satu aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan jual runcit atau jual borong. Oleh itu, seseorang yang Cuma menjalankan aktiviti pembungkusan semula tidaklah termasuk dalam takrif aktiviti pengilang seperti disebut dalam akta di atas dan terkeluar dari klasifikasi “pembuat”.

5. SIJIL PERAKUAN MUTU

5.1 Satu **Sijil Pengakuan Mutu** hendaklah disertakan dengan setiap hantaran dengan kenyataan bahawa barangan itu adalah bermutu yang sama seperti yang ditawarkan dalam Borang Tender dan/atau bermutu yang seperti dengan contoh yang diberikan semasa tender itu dipertimbangkan. Tiap-tiap sijil pengakuan itu hendaklah dilengkapi dengan senarai ujian-ujian yang telah dijalankan serta keputusan ujian itu.

6. PEMBUNGKUSAN

6.1 Kontraktor hendaklah memastikan Barang-Barang dibungkus mengikut keperluan bagi mengelak kerosakan, kemalangan yang mungkin berlaku semasa ianya diangkut ke PTJ/Tapak Pengguna. Pembungkusan hendaklah tahan kepada cara pengendalian yang kasar, perubahan cuaca yang ketara, garam dan mendapan semasa perjalanan dan penyimpanan secara terbuka. Bentuk, saiz dan berat bungkusan bagi barang-barang yang perlu dihantar ke destinasi yang tiada mempunyai sistem perhubungan yang sesuai perlu juga diambil kira.

6.2 Semua alat pembungkusan yang disediakan oleh Kontraktor tidak akan dikembalikan.

6.3 Di luar bungkusan tersebut hendaklah diletakkan tanda pengenalan perkapalan seperti berikut:-

6.3.1 Jika menggunakan laut/udara:

Pengarah,
Institut Kanser Negara,
Aras 6,
No. 4, Jalan P7, Presint 7,
62250 Putrajaya
Via Pelabuhan/Lapangan Terbang

6.3.2 Jika menggunakan darat,

Pengarah,
Institut Kanser Negara,
Aras 6,
No. 4, Jalan P7, Presint 7,
62250 Putrajaya

6.3.3 Berat kasar :

6.3.4 Ukuran persegi :

6.3.5 No. Kontrak :

6.3.6 Lambang Kementerian Kesihatan Malaysia di semua permukaan bungkusan.

6.4 Arahan lain berkaitan dengan pembungkusan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Kerajaan.

7. PENGANGKUTAN DAN PENGHANTARAN

7.1 Semua urusan pengangkutan dan penghantaran barang-barang import Kerajaan hendaklah diuruskan oleh Wakil Penghantaran Kerajaan (*Multimodal Transport Operator/MTO*) sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

7.2 Kementerian akan mengambil masa diantara tiga (3) hingga empat (4) minggu untuk menyempurnakan perlantikan syarikat MTO. Perkara ini perlu diambil kira dalam perkiraan tempoh serahan barangan.

8. TEMPOH SERAHAN

8.1 Petender hendaklah menyatakan tempoh yang diperlukan untuk barangan tiba di tapak pengguna/pusat-pusat tanggungjawab. Tempoh ini meliputi proses penyediaan barangan di kilang, penghantaran, pemasangan, pengujian dan pentauliahan.

8.2 Petender juga hendaklah memastikan bahawa tempoh serahan yang ditawarkan telah mengambil kira tempoh perlantikan syarikat MTO serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan agensi Kerajaan seperti JPJ, JKR, Puspakom, PBT dan lain-lain lagi.

8.3 Sebarang permasalahan berhubung tempoh masa adalah menjadi tanggungjawab petender sekiranya tempoh yang ditawarkan tidak mencukupi.

Rujukan: Perkara 3 hingga 8 adalah berkaitan dengan **Dokumen D**.

9. BORANG PENYERAHAN CONTOH/KATALOG

9.1. Semua tender bagi barangan yang ditawarkan mestilah disertakan dengan sekurang-kurangnya **lima (5) salinan** Katalog/ Risalah/ Jadual Data Teknikal yang asal bagi setiap butiran yang dimasuki. Dimana perlu contoh atau sampel juga perlu disertakan dengan bilangan secukupnya mengikut yang disyaratkan.

- 9.2. Semua Katalog/ Risalah/ Jadual Data Teknikal mestilah di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, Katalog/ Risalah/ Jadual Data Teknikal yang ditulis di dalam bahasa lain tidak diterima.
- 9.3. Semua Contoh/ Sampel/ Katalog/ Risalah/ Jadual Data Teknikal hendaklah disertakan dengan borang penyerahan iaitu Dokumen E yang mengandungi keterangan mengenai butiran-butiran yang mana Contoh/ Sampel/ Katalog/ Risalah/ Jadual Data Teknikal itu dikemukakan. Kemudian hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat atau bekas yang berasingan daripada borang tender.
- 9.4. Sampul surat atau bekas tersebut pula hendaklah ditandakan dengan perkataan "**KATALOG**" atau "**RISALAH**" atau "**CONTOH**". **Nombor Tender (X025.....), Nombor Cadangan (Y025.....) dan Nama Tender** serta **Cop Nama Petender** hendaklah dicatatkan di sudut kiri sebelah atas sampul surat atau bekas tersebut.
- 9.5. Nama Petender adalah tidak boleh dicatatkan di atas katalog atau risalah yang disertakan.
- 9.6. Sampul surat yang mengandungi Contoh/ Sampel/ Katalog/ Risalah/ Jadual Data Teknikal hendaklah diserahkan di Kaunter Jabatan Pengurusan dan bukan dimasukkan ke dalam peti bersama dengan Jadual Harga.
- 9.7. Kementerian Kesihatan Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemusnahan atau kerosakan ke atas sampel/ contoh sewaktu penilaian dibuat. Sampel/ contoh tidak akan dikembalikan.
- 9.8. Semua Contoh/ Sampel/ Katalog/ Risalah/ Jadual Data Teknikal yang melibatkan spesifikasi adalah merupakan Syarat Wajib (Mandatori) dan kegagalan mengemukakan perkara ini boleh menyebabkan tawaran tender ditolak.
- 9.9. **SEMUA DOKUMEN TENDER, CONTOH/ SAMPEL/ KATALOG/ RISALAH/ JADUAL DATA TEKNIKAL HENDAKLAH DISERAHKAN DITEMPAT YANG DINYATAKAN SEBELUM PUKUL 12.00 TENGAH HARI PADA HARI TENDER DITUTUP. SEBARANG PENGHANTARAN SELEPAS WAKTU YANG DITETAPKAN DI ATAS TIDAK AKAN DIPERTIMBANGAN.**

Rujukan: Perkara 9 adalah berkaitan dengan **Dokumen E**.

BAHAGIAN III
TAWARAN HARGA

10. BORANG HARGA TENDER

- 10.1 Hanya borang yang dikeluarkan oleh Kementerian ini sahaja diterima bagi maksud tender ini. Lain-lain borang tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang yang asal. Borang tambahan mestilah mengandungi ruangan-ruangan yang sama dan serupa dari segi ukurannya.
- 10.2 Setiap borang hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas bagi setiap butiran yang dimasuki. Penggunaan “ditto”, atau “seperti di atas” tidak boleh digunakan.
- 10.3 Bagi ruangan yang kosong, misalnya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak dicatatkan mestilah ditulis dengan perkataan “Tidak Berkenaan”.
- 10.4 Petender-petender mestilah mengisi dengan lengkap ruangan-ruangan yang disediakan di dalam Borang Harga seperti di bawah. Petender juga diingatkan supaya tidak menulis/ cop apa-apa nam/ tanda/ identiti syarikat di atas borang ini.
- 10.5 Petender boleh mengemukakan tawaran berasaskan kepada harga *Nett Delivered/ FOB/ CIF/ Ex-Work/ FCA*. Penjelasan mengenai terma-terma ini adalah seperti di bawah:

10.5.1 *Nett Delivered*:

Ini adalah harga bersih termasuk semua cukai/ Fi Perkhidmatan, kos pembungkusan (meliputi ‘*cutting cost*’, ‘*polybag*’, ‘*carton box*’ dan ‘*individual packaging cost*’), kos pemunggahan dan kos penghantaran serta kos-kos lain yang berkaitan ke destinasi terakhir/ pengguna yang telah ditentukan.

10.5.2 *Free On Board (FOB)*:

Petender mesti memuat barangan import ke dalam kapal dan urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh syarikat bagi perkhidmatan *Multimodal Transport Operator (MTO)* yang dilantik oleh agensi serta insurans ditanggung oleh Kerajaan.

Semua barangan import tersebut hendaklah dihantar terus dari pelabuhan memuat (*port of loading*) negara asal barangan (*country of origin*) ke pengkalan punggah (*port of discharge*) di mana-mana pangkalan di Malaysia sebelum dihantar ke destinasi akhir.

Perolehan yang diimport dan dibekalkan melalui pelabuhan negara kedua tidak dibenarkan sama sekali.

10.5.3 *Cost, Insurance & Freight (CIF):*

Petender mesti membayar kos dan tambang untuk membawa masuk barangan ke destinasi pengkalan dan insurans perlu ditanggung oleh pihak petender.

Petender boleh melantik syarikat MTO yang berdaftar/ mempunyai kod bidang pengangkutan yang mempunyai nilai tidak lebih daripada RM5 juta bagi tender peralatan dan tidak lebih daripada RM10 juta bagi tender ubat-ubatan dan barangan farmaseutikal.

10.5.4 *Ex-Work (EXW):*

Petender menjamin barangan tersebut telah berada di premis petender dan petender bertanggungjawab ke atas semua kos.

10.5.5 *Free Carrier (FCA):*

Semua urusan pengangkutan dan insurans diuruskan oleh pembeli/ agensi bermula dari tempat barangan diterima.

10.6 Fi Perkhidmatan bagi Transaksi secara Elektronik:

10.6.1 Semasa menguruskan kontrak, dokumen tender dan perjanjian kontrak hendaklah menyatakan dengan jelas mengenai syarat fi yang akan dikenakan bagi perolehan yang diuruskan secara elektronik.

10.6.2 Petender hendaklah mengambil kira kadar fi perkhidmatan dalam menawarkan harga. Jadual Bayaran yang akan dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian. Bayaran yang akan dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kepada Petender yang berjaya adalah tertakluk kepada fi perkhidmatan yang dinyatakan dalam perenggan 4, SPP Bil. 2 Tahun 2013.

10.6.3 Semua Petender hendaklah sedia maklum mengenai fi perkhidmatan yang dikenakan ini kerana syarat pengenaan fi perkhidmatan tersebut telah termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah Sistem ePerolehan.

11. PANDUAN MENGISI BORANG HARGA BARANGAN TEMPATAN (NETT DELIVERED)

11.1 Petender diminta mengisi semua ruang dalam borang ini. Bagi mana-mana butiran yang tidak disertai atau perkara yang tidak berkenaan tandakan dengan perkataan TIDAK BERKENAAN dan jangan dibiarkan kosong.

BORANG HARGA BARANGAN TEMPATAN (NET DELIVERED)		
1.	No. Tender:	X025129010114..... (nombor seperti yang dipaparkan pada iklan dalam sistem ePerolehan)
2.	No. Cadangan:	Y025129010114..... (nombor seperti yang dipaparkan pada iklan dalam sistem ePerolehan)
3.	Bil. (Bilangan):	Tuliskan nombor bagi setiap butiran yang ditawarkan mengikut seperti mana tercatat dalam penentuan tender.
4.	Ringkasan Tawaran Berdasarkan Spesifikasi:	Keterangan barang yang ditawarkan jelas dan lengkap seperti dalam penentuan. Sila nyatakan aspek-aspek penentuan yang tidak dapat dipenuhi di dalam borang tender. Misalnya Label "KKM" tidak dapat dicetak. Sila nyatakan tidak dapat.
5.	Pembuat, Jenama/Model:	Nama Pembuat dan jenama/model mestilah dinyatakan dengan terang.
6.	Kuantiti:	Nyatakan kuantiti dalam bentuk bungkusan yang ditawarkan.
7.	Harga:	Nyatakan harga barangan mengikut kriteria berikut: (a) Semua harga yang disebutkan mestilah di dalam Ringgit Malaysia (RM) (b) Petender yang menawarkan harga yang tertakluk kepada perubahan kadar pertukaran wang asing tidak akan dipertimbangkan. (c) Harga yang ditawarkan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan. Sebagai contoh: RM0.12/unit. (d) Kegagalan menyatakan harga ini boleh dianggap sebagai tidak memenuhi syarat-syarat tender dan Kerajaan berhak menolak tawaran tersebut.
8.	Harga pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak:	Nyatakan harga pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak mengikut kriteria yang sama dengan perkara 5 di atas.

BORANG HARGA BARANGAN TEMPATAN (NET DELIVERED)		
9.	Harga Fi-Perkhidmatan 0.8%	Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (<i>one-time payment</i>) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi Perkhidmatan pada kadar sebanyak kosong perpuluhan lapan peratus (0.8%) dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih
10.	Jumlah harga termasuk pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak:	Nyatakan jumlah harga pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak mengikut kriteria yang sama dengan perkara 5 di atas. Jumlah harga = Harga bagi perkara 7 + Harga bagi perkara 8
11.	Tempoh Jaminan:	Nyatakan tempoh jaminan bagi barangan yang akan dibekalkan. Sekiranya maklumat ini tidak diisi tawaran di anggap tiada tempoh jaminan.
12.	Tempoh Serahan :	Nyatakan tempoh serahan bagi barangan yang akan dibekalkan dari tarikh pesanan tempatan (LPO) dikeluarkan. Tempoh serahan bagi alat-alat kelengkapan termasuk tempoh penghantaran, pemasangan, pentauliahan dan latihan. Bagi tender peralatan yang mempunyai kerja tapak tempoh serahan adalah bagi alat dan kerja tapak. Bagi alat tempoh serahan dikira daripada tarikh Pesanan Tempatan manakala bagi kerja tapak tempoh serahan dikira daripada tarikh penyerahan tapak.
13.	Harga tawaran keseluruhan:	Nyatakan harga tawaran keseluruhan (RM)

Rujukan: Perkara 11 adalah berkaitan dengan **Dokumen G**.

12. PANDUAN MENGISI BORANG HARGA ALAT IMPORT (FOB/ CIF/ EX-WORK/ FCA)

12.1 Petender diminta mengisi semua ruang dalam borang ini. Bagi mana-mana butiran yang tidak disertai atau perkara yang tidak berkenaan tandakan dengan perkataan TIDAK BERKENAAN dan jangan dibiarkan kosong.

BORANG HARGA BARANGAN IMPORT (FOB/ CIF/ EX-WORK/ FCA)		
1.	No. Tender:	X025129010114..... (nombor seperti yang dipaparkan pada iklan dalam sistem ePerolehan)
2.	No. Cadangan:	Y025129010114..... (nombor seperti yang dipaparkan pada iklan dalam sistem ePerolehan)

BORANG HARGA BARANGAN IMPORT (FOB/ CIF/ EX-WORK/ FCA)		
3.	Kaedah Pengangkutan:	Nyatakan kaedah pengangkutan yang akan digunakan samada udara/ laut/ darat.
4.	Bil. (Bilangan):	Tuliskan nombor bagi setiap butiran yang ditawarkan mengikut seperti mana tercatat dalam penentuan tender.
5.	Ringkasan Tawaran Berdasarkan Spesifikasi:	Keterangan barang yang ditawarkan jelas dan lengkap seperti dalam penentuan. Sila nyatakan aspek-aspek penentuan yang tidak dapat dipenuhi di dalam borang tender. Misalnya Label "KKM" tidak dapat dicetak. Sila nyatakan tidak dapat.
6.	Pembuat, Jenama/Model:	Nama Pembuat dan jenama/model mestilah dinyatakan dengan terang.
7.	Kuantiti:	Nyatakan kuantiti dalam bentuk bungkusan yang ditawarkan.
8.	Harga FOB/ CIF:	Nyatakan harga <i>Port of Loading (FOB)</i> harga barangan mengikut kriteria berikut: (a) Semua harga yang disebutkan mestilah di dalam Ringgit Malaysia (RM) (b) Petender yang menawarkan harga yang tertakluk kepada perubahan kadar pertukaran wang asing tidak akan dipertimbangkan. (c) Harga yang ditawarkan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan. Sebagai contoh: RM0.12/unit. (d) Kegagalan menyatakan harga ini boleh dianggap sebagai tidak memenuhi syarat-syarat tender dan Kerajaan berhak menolak tawaran tersebut.
9.	Nama <i>Port of Loading</i> :	Nyatakan nama <i>Port of Loading</i> .
10.	Harga pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak:	Nyatakan harga pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak mengikut kriteria yang sama dengan perkara 5 di atas.
11.	Harga Fi-Perkhidmatan 0.8%	Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (<i>one-time payment</i>) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi Perkhidmatan pada kadar sebanyak kosong perpuluhan lapan peratus (0.8%) dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih
12.	Jumlah harga termasuk pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak:	Nyatakan jumlah harga pemasangan, pentauliahan dan latihan di tapak mengikut kriteria yang sama dengan perkara 5 di atas. Jumlah harga = Harga bagi perkara 8 + Harga bagi perkara 10

BORANG HARGA BARANGAN IMPORT (FOB/ CIF/ EX-WORK/ FCA)		
13.	Tempoh Jaminan:	Nyatakan tempoh jaminan bagi barangan yang akan dibekalkan. Sekiranya maklumat ini tidak diisi tawaran dianggap tiada tempoh jaminan.
14.	Tempoh Serahan :	Nyatakan tempoh serahan bagi barangan yang akan dibekalkan dari tarikh pesanan tempatan (LPO) dikeluarkan. Tempoh serahan bagi alat-alat kelengkapan termasuk tempoh penghantaran, pemasangan, pentauliahahan dan latihan. Bagi tender peralatan yang mempunyai kerja tapak tempoh serahan adalah bagi alat dan kerja tapak. Bagi alat tempoh serahan dikira daripada tarikh Pesanan Tempatan manakala bagi kerja tapak tempoh serahan dikira daripada tarikh penyerahan tapak.
15.	Harga tawaran keseluruhan:	Nyatakan harga tawaran keseluruhan (RM)

Rujukan: Perkara 12 adalah berkaitan dengan **Dokumen H**.

BAHAGIAN IV **PERJANJIAN KONTRAK**

13. TERMA PERJANJIAN

- 13.1 Contoh perjanjian adalah seperti di Dokumen B. Petender hendaklah memahami semua terma yang dinyatakan serta obligasi kedua-dua belah pihak Kerajaan dan Kontraktor.

14. BON PELAKSANAAN

- 14.1 Petender-petender yang berjaya, dikehendaki memberi Bon Pelaksanaan untuk memastikan kontrak dilaksanakan mengikut syarat-syarat dalam kontrak.
- 14.2 Bagi kontrak yang bernilai tidak melebihi RM500,000.00 setahun, Bon Pelaksanaan akan dikenakan dengan kadar 2.5% dari nilai kontrak. Bagi kontrak yang melebihi RM 500,000.00 setahun, petender yang berjaya dikehendaki memberi Bon Pelaksanaan dengan kadar 5% dari nilai kontrak.
- 14.3 Bon Pelaksanaan ini hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) daripada bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dalam bentuk Jaminan Bank daripada bank-bank yang menjalankan perniagaan di Malaysia atau

Jaminan Insurans daripada syarikat-syarikat insurans yang berdaftar di bawah Akta Insurans 1963.

- 14.4 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan satu (1) tahun selepas pembekalan dilaksanakan dengan memuaskan. Sekiranya kontrak itu tidak dilaksanakan dengan memuaskan, maka Bon Pelaksanaan itu akan dirampas.
- 14.5 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Setuju terima Tawaran dikeluarkan. Kegagalan mengemukakan Bon Pelaksanaan mengikut tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan kelewatan dalam pembayaran.
- 14.6 Semasa penyediaan Bon Pelaksanaan, bentuk format hendaklah ditepati tanpa sebarang pindaan.
- 14.7 Dokumen Perjanjian perlu diisi dalam enam (6) salinan asal dan ditandatangani di ruangan yang telah ditetapkan.

15. PENGSETEMAN

- 15.1 Pengseteman hendaklah dilakukan setelah kedua-dua belah pihak (Kerajaan dan Pembekal) telah menandatangani dokumen perjanjian Kontrak Duti Setem yang harus dibayar berkenaan dengan perjanjian ini ditanggung oleh Kerajaan.

16. KUANTITI TAWARAN

Kerajaan berhak menambah atau, mengurangkan mana-mana kuantiti yang ditetapkan dalam dokumen tender, pada masa Surat Setuju Terima tawaran dikeluarkan kepada petender-petender yang berjaya.

17. KUANTITI TAMBAHAN

- 17.1 Selain daripada kuantiti yang telah ditetapkan dalam Surat Perjanjian, Kerajaan boleh memesan kuantiti tambahan dalam tempoh kontrak dari tarikh kontrak ditandatangani dan Kontraktor hendaklah membekalkannya dengan harga dan terma-terma yang sama seperti kontrak asal.

18. IKLAN

- 18.1. Tiada maklumat mengenai kontrak boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika

pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

Rujukan: Perkara 13 hingga 18 adalah berkaitan dengan **Dokumen B & Dokumen C.**

BAHAGIAN V
SERAHAN DOKUMEN TENDER

19. SENARAI SEMAK

19.1 Sebelum menghantar tawaran tender, petender dinasihatkan supaya membuat semakan terakhir mengenai perkara-perkara berikut:

19.1.1 Semua dokumen tender telah lengkap diisi

19.1.2 Tiada helaian muka surat yang tercicir

19.1.3 Semua salinan sijil yang perlu telah dikepilkan

19.1.4 Semua surat pengesahan yang perlu telah disertakan

19.1.5 Perkiraan harga terperinci dan rumusan harga tawaran telah disemakdan didapati betul dan *tally*

19.2 Seterusnya petender hendaklah melengkapkan Senarai Semak seperti di **Dokumen M.**

20. SERAHAN DOKUMEN TENDER

20.1 Borang tender yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan tanda pada bahagian atas surat itu dengan butir-butir berikut:-

Nama Tender	:
No. Jadual	: IKN/T3/2014
No. Tender	: X025129010114.....
No. Cadangan	: Y025129010114.....

Dan dialamatkan kepada :-

Institut Kanser Negara,
Bahagian Perolehan Dan Pembangunan
Jabatan Pengurusan,
Aras 6,
No. 4, Jalan P7, Presint 7,
62250 Putrajaya

- 20.2 Semua tender mestilah dimasukkan ke dalam peti tender yang ditentukan pada waktu pejabat di alamat seperti yang tersebut di atas, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan.
- 20.3 Kementerian ini tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan borang-borang penyertaan tender akibat dari kesilapan peti yang dimasukkan atau tender-tender yang dihantar dengan pos.
- 20.4 Segala perbelanjaan menyertai tender adalah tanggungan petender.
- 20.5 Petender juga hendaklah menyerahkan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan secara atas talian ke dalam Sistem ePerolehan sebelum waktu dan tarikh tutup tender yang ditetapkan.

BAHAGIAN VI **PERKARA-PERKARA LAIN**

21. NOTIS

- 21.1 Apabila didapati perlu, Kerajaan akan memaklumkan melalui laman web: www.eperolehan.gov.my
- 21.2 Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada petender bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam tender itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.

22. PEMBATALAN TAWARAN TENDER

- 22.1 Kerajaan juga berhak untuk membatalkan tender ini pada bila-bila masa sekiranya difikirkan perlu. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh petender kerana urusan tender ini adalah menjadi tanggungjawab pihak petender dan Pejabat ini tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

23. BANTAHAN KE ATAS SPESIFIKASI TENDER

- 23.1 Petender adalah dibenarkan untuk membuat bantahan secara bertulis kepada Agensi dan disalinkan kepada Perbendaharaan sekiranya ia mendapati spesifikasi tender mejurus kepada sesuatu jenama.
- 23.2 Bantahan tersebut beserta bukti-bukti yang kukuh hendaklah dikemukakan kepada Agensi yang membuat pelawaan tender dalam tempoh seperti berikut:
- 23.2.1 Empat belas (14) hari dari tarikh dokumen tender mula dijual; dan
- 23.2.2 Dua puluh lapan (28) hari dari tarikh dokumen tender mula dijual bagi tender antarabangsa
- 23.3 Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

24. PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Bagi mengukuhkan usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan Kerajaan, semua Agensi Kerajaan perlu melaksanakan *Integrity Pact* berdasarkan Garis Panduan seperti berikut:

24.1 Semasa Penghantaran Dokumen Tawaran Oleh Petender:

Kesemua petender yang menghantar dokumen tender hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

24.2 Semasa Mengembalikan Surat Setuju Terima Oleh Petender Berjaya

Petender yang berjaya dikehendaki menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

25. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

- 25.1. Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

- 25.2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti-Corruption Commission or police station. Failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

- 25.3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

- 25.4. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were

supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

**PETENDER-PETENDER DIKEHENDAKI MEMATUHI SEMUA
SYARAT-SYARAT TENDER YANG TERSEBUT DI ATAS.**

26. KEPUTUSAN TENDER

- 26.1 Kerajaan adalah berhak mempersetujui terima tawaran petender samada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya. Kerajaan tidak terikat mempersetujui terima tender yang termurah sekali atau mana-mana tender jua pun. Kerajaan berhak untuk memecah/ membahagikan tawaran kepada lebih daripada satu jika dirasakan perlu dan sesuai.
- 26.2 Jika terdapat lebih daripada satu petender yang layak dipertimbangkan, Kerajaan boleh menerima/ melantik dua atau lebih syarikat berkenaan sebagai panel pembekal. Oleh hal yang demikian, kuantiti/ nilai kontrak dan Bon pelaksanaan boleh dibahagi sama rata atau kaedah lain yang sesuai.
- 26.3 Keputusan tender adalah muktamad. Kementerian tidak akan melayan sebarang rayuan.

27. PENUTUP

- 27.1 Petender diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya semua syarat tender termasuk melengkapkan maklumat dalam dokumen/ borang yang berkaitan. Kegagalan mematuhi mana-mana arahan/ syarat tender boleh menyebabkan tender yang dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.
- 27.2 Tempoh sah laku tawaran (harga) tender adalah selama 180 dari tarikh tutup tender dan boleh dilanjutkan atas persetujuan bersama di antara Kerajaan dan Petender.

Bahagian Perolehan dan Pembangunan,
Institut Kanser Negara,

SPESIFIKASI UMUM
TAWARAN TENDER MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN
MENTAULIAH PERALATAN PERUBATAN CRYOTHERAPY (CRYOABLATION) UNTUK
PROSEDUR INTERVENTSIONAL
DI JABATAN PENGIMEJAN DIAGNOSTIK
INSTITUT KANSER NEGARA

1. TENDER

- 1.1. Tender yang dikemukakan adalah berasaskan jumlah harga FOB iaitu harga termasuk kos pengangkutan dari kilang pembuat hingga ke pelabuhan muatan (*Port of Loading*), pemasangan, pengujian, pentauliahan dan latihan di tapak.
- 1.2. Kos ini termasuk juga untuk menyelenggara alat yang sudah dipasang dalam tempoh waranti. Manakala kos dari pelabuhan muatan sehingga ke destinasi terakhir termasuk insurans tidak boleh dimasukkan ke dalam jumlah harga kerana kesemua kos berkaitan akan ditanggung oleh Kerajaan.

2. DATA TEKNIKAL

- 2.1. Petender dikehendaki menyerahkan Jadual Data Teknikal yang lengkap dalam borang tendernya bersama-sama dengan katalog atau surat-surat dari pembuat/pengilang bagi menyokong maklumat dan data yang telah diberikan.
- 2.2. Kegagalan petender menyerahkan maklumat yang diminta seperti di atas akan dianggap bahawa barangannya tidak memenuhi kehendak spesifikasi yang ditentukan dan dengan itu tawaran petender tidak akan diberi pertimbangan.

3. KERJA YANG PERLU DIJALANKAN

- 3.1. Jumlah harga tender hendaklah termasuk pengubahsuaian tapak dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan barang-barang yang diperlukan bagi penghantaran, penyerahan, pemasangan dan pentauliahan supaya sistem/alat kelengkapan dapat beroperasi dengan sempurna. Kerja tambahan ini hendaklah dinyatakan di dalam harga tender
- 3.2. Petender hendaklah memberi jaminan bahawa kesemua pengubahsuaian yang dicadang itu tidak akan menjejaskan bangunan dan lain-lain perkhidmatan yang sedia ada.
- 3.3. Petender juga hendaklah menyediakan semua kerja dan barang-barang yang diperlukan untuk sistem/alat kelengkapan berfungsi dengan sempurna walaupun kerja ataupun barang-barang yang diperlukan itu tidak dinyatakan dengan jelas di dalam spesifikasi atau lukisan-lukisan/pelan-pelan yang disertakan bersama spesifikasi.
- 3.4. Pembekalan kesemua keperluan bagi sistem/alat kelengkapan termasuk pemasangan, pengujian dan penyerahan kepada Kerajaan dalam keadaan operasi yang baik adalah menjadi tanggungjawab petender yang berjaya.

Pembayaran Tambahan kepada harga tender tidak akan dibenarkan bagi kerja-kerja tambahan yang disebabkan oleh kecuaihan/kesilapan/kegagalan petender memasukkan nilai itu di dalam harga tender.

4. ALAT-ALAT TAMBAHAN PILIHAN

- 4.1. Bagi maksud tender ini perkataan “alat-alat tambahan pilihan” hendaklah bermaksud bagi alat-alat tambahan atau butiran-butiran yang tidak dinyatakan di dalam spesifikasi atau hanya dinyatakan sebagai “alat-alat tambahan pilihan” hendaklah dinyatakan secara berasingan daripada jumlah harga tender.
- 4.2. Alat menjadi tanggungjawab petender untuk mematuhi takrif “alat-alat tambahan pilihan” seperti di atas dalam menyediakan harga tender.

5. RAJAH/PELAN/REKABENTUK

- 5.1. Petender hendaklah menyediakan dan mengemukakan pelan-pelan dan rajah yang berasaskan corak pelan yang menunjukkan bentuk dan susunan umum bagi sesuatu sistem atau alat kelengkapan yang ditawarkan. Rajah yang berasaskan reka bentuk dan corak susunan perlu menunjukkan ukuran-ukuran tertentu bilik-bilik logi, tapak asas mesin, perubahan dan penebukan lubang pada dinding, lantai dan papan penutup bumbung (*roof slabs*) seperti yang dikehendaki. Rajah-rajah tersebut hendaklah juga menunjukkan ukuran-ukuran bagi kesemua komponen utama bagi system/alat kelengkapan dan hendaklah dikemukakan oleh petender semasa menyerahkan tendernya. Segala kos terlibat di dalam penyediaan rajah-rajah dan pelan-pelan berkaitan adalah ditanggung oleh petender sendiri.
- 5.2. Petender yang berjaya dikehendaki menyerahkan rajah tempat/tapak alat kelengkapan/komponen-komponen dan rajah/pelan-pelan pemasangan yang lebih terperinci untuk kelulusan Kerajaan sebelum

memulakan sebarang kerja-kerja pemasangan.

6. PENGALAMAN

- 6.1. Satu laporan ringkas mengenai latarbelakang sistem/alat kelengkapan yang berasaskan jenis yang sama dari segi bentuk kerja/model yang pernah dibekal dan dilaksanakan oleh petender di Malaysia hendaklah disertakan bersama dengan tendernya. Sekiranya dikehendaki oleh Kerajaan, petender hendaklah mengatur dan melaksanakan satu demonstrasi bagi sistem/alat kelengkapan yang telah dipasang di tapak atau sebarang kerja berkaitan mengikut tempat yang ditentukan. Semua perbelanjaan yang berkaitan dengan perkara ini adalah ditanggung oleh petender.

7. TEMPOH PENGHANTARAN DAN TEMPOH PENYIAPAN

- 7.1. Petender hendaklah menyatakan tempoh yang diperlukan untuk barangan tiba di tapak pengguna/pusat-pusat tanggungjawab. Tempoh ini meliputi proses penyediaan barangan di kilang, penghantaran, pemasangan, pengujian dan pentauliahan.

8. ALAT KELENGKAPAN DAN BAHAN-BAHAN

- 8.1. Kesemua alat kelengkapan dan bahan-bahan yang hendak dibekal menurut spesifikasi tender ini hendaklah terbaru dan tidak pernah digunakan sebelum ini dan hendaklah mempunyai kualiti yang baik dari segi reka bentuk, pembuatan dan prestasi.
- 8.2. Sekiranya model yang lama juga ditawarkan bersama model terbaru,

petender hendaklah menyatakan yang mana satu tawaran itu adalah model yang terbaru dan yang mana satu model yang lama. Petender juga hendaklah menyatakan kelebihan model terbaru berbanding dengan model lama serta hendaklah memberitahu tempoh dan tempat model terbaru telah digunakan/dijual di pasaran.

